

**PENGURUSAN SEKOLAH SELAMAT DAN SIHAT DI SEKOLAH KHAS :
SATU KAJIAN KES DI SEKOLAH MENENGAH PENDIDIKAN KHAS
PERSEKUTUAN PULAU PINANG**

HASANAH BINTI ABD RAHMAN

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

**FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya

HASANAH BINTI ABD RAHMAN
200200590

29 MEI 2004



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur saya kehadrat Allah s.w.t. kerana dengan izinNya saya telah mendapat ilham, kesabaran dan semangat sehingga dapat menyiapkan kertas projek sarjana ini dengan lengkap dan sempurna.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih saya yang tidak terhingga kepada Puan Marinah Awang selaku pensyarah penyelia kertas projek sarjana saya yang telah banyak meluangkan masa dan tenaga, memberi bimbingan dan panduan yang membina di sepanjang proses menyiapkan penulisan kertas projek ini.

Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada sahabat karib saya Aznan Che Ahmad yang telah membantu dan memberi tunjuk ajar serta nasihat serta komen-komen yang membina kepada saya sehingga saya dapat menyiapkan kertas projek ini.

Tidak ketinggalan juga diucapkan terima kasih kepada pengetua, guru-guru dan murid-murid Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan Pulau Pinang yang telah memberikan kerjasama sepanjang saya berada di sekolah berkenaan menjalankan kajian saya. Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada pihak Kementerian Pendidikan, dan Jabatan Pendidikan Pulau Pinang yang telah memberi kerjasama dan kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian ini.

Penghargaan yang teristimewa saya tujuarkan buat ibu tersayang, suami tercinta, Nor Azam Ismail serta anak-anak tersayang iaitu Amirah Izzati, Muhammad Afiffuddin dan Muhammad Azrul Amin yang telah banyak memberikan saya inspirasi, semangat serta dorongan sehingga saya berjaya menyiapkan kerja projek saya ini.

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu kajian kes yang bertujuan untuk melihat persepsi dan tahap amalan pengurusan terhadap keselamatan dan kesihatan di kalangan guru, murid dan ibu bapa di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan Pulau Pinang (SMPKPPP) dalam bentuk peratus. Kajian ini melibatkan sampel seramai 120 orang yang terdiri dari 40 orang guru, 40 orang murid dan 40 orang ibu bapa di SMPKPPP. Pengkaji telah menggunakan soal selidik sebagai instrumen dalam kajian ini. Soal selidik yang digunakan terbahagi kepada empat konstruk iaitu konstruk A, B, C, dan D. Konstruk A adalah mengenai latar belakang diri responden. Konstruk B pula memfokuskan kepada persepsi responden terhadap keselamatan dan kesihatan murid. Konstruk C menyentuh aspek-aspek persekitaran fizikal. Manakala konstruk D pula bertujuan untuk mengenal pasti masalah pengurusan keselamatan dan kesihatan di sekolah. Dapatkan kajian menunjukkan secara keseluruhan responden telah bersetuju bahawa SMPKPPP mempunyai amalan pengurusan dan kesihatan yang baik, di mana min persepsi mereka berada di antara 1.89 sehingga 2.49 iaitu pada skala bersetuju. Dapatkan kajian berdasarkan Ujian ANOVA Satu Hala yang telah dijalankan juga menunjukkan terdapat perbezaan persepsi terhadap pengurusan keselamatan dan kesihatan di sekolah di antara guru, murid, dan ibu bapa di SMPKPPP.

SAFETY AND HAELTH MANAGEMENT AT SPECIAL SCHOOL: A CASE STUDY AT THE FEDERATION SCHOOL FOR THE DEAF (SECONDARY), PENANG

ABSTRACT

The purpose of this case study is to get the respondents perception percentage towards the aspect of Safety and Health among the hearing impaired students, teachers and parents in the Federation School For The Deaf (Secondary), Penang. This study involved 120 people as samples which consist of 40 hearing impaired students, 40 teachers and 40 parents. Questionnaire was used in this research. The questionnaire contained four constructs named A, B, C, and D. Construct A is about the demography of the respondents. Construct B focused on respondent's perception towards the safety and health of the students. Construct C covers the physical aspects of school. In construct D focus on the problems pertaining to the administration aspects on the safety and health in school. Based on the overall responses from the respondents, this research show that this school has a good administration on the safety and health aspects where the min of the respondents' perception is at 1.80 to 2.49. This shows that the min is at the agreed scale. One Way ANOVA also showed that there is a different between the perception among the teachers, students, and parents at the school towards the management on the safety and health in the school.

KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii

BAB I PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	12
1.4	Objektif Kajian	16
	1.4.1 Objektif Umum	16
	1.4.2 Objektif Khusus	16
1.5	Persoalan Kajian	17
1.6	Hipitesis Kajian	18
1.7	Definisi Operasional	18
	1.7.1 Sekolah Pendidikan Khas	18
	1.7.2 Murid-murid Bermasalah Pendengaran	18
	1.7.3 Bangunan Sekolah	19
	1.7.4 Pelajar Harian	19
	1.7.5 Keselamatan, Kesihatan dan Keceriaan	19
1.8	Kepentingan Kajian	20
1.9	Batasan Kajian	20

Muka surat**BAB 2 KAJIAN LEPAS**

2.1	Pendahuluan	21
2.2	Konsep Sekolah Selamat Dan Sihat	22
2.3	Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan Di Sekolah Menengah Pendidikan Khas	24
2.4	Bentuk Tindakan Kerajaan	26
2.4.1	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.9/2000	27
2.4.2	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.8/1999	29
2.4.3	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.6/1998	30
2.4.4	Menubuhkan Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994	30
2.5	Peranan Guru Di Sekolah	31
2.6	Penutup	33

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	34
3.2	Rekabentuk Kajian	34
3.3	Sampel Kajian	35
3.4	Tatacara Pengumpulan Data	36
3.4.1	Prosedur Kajian	36
3.4.2	Prosedur Kajian Ke Atas Responden Murid Bermasalah Pendengaran	37

Muka surat

3.5	Instrumen Kajian	37
	3.5.1 Borang Soal Selidik	39
3.6	Kesahan Instrumen	41
3.7	Pembolehubah Kajian	42
3.8	Kerangka Konsep	42
3.9	Kajian Rintis	43
3.10	Analisis Data	43
3.11	Kesimpulan	44

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	45
4.2	Profil Responden Kajian	45
	4.2.1 Kategori	45
	4.2.2 Jantina	46
	4.2.3 Umur	46
	4.2.4 Bangsa	47
	4.2.5 Kelayakan Akademik	48
	4.2.6 Jenis Pekerjaan	49
	4.2.7 Pendapatan	49

Muka surat

4.3	Amalan Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan Pulau Pinang (SMPKPPP)	50
4.4	Persepsi Responden Terhadap Aspek Keselamatan, Kesihatan Dan Keceriaan Persekutaran Fizikal Sekolah	56
4.5	Perbezaan Persepsi Tahap Amalan Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Di Antara Guru, Murid Dan Ibu Bapa	62
4.6	Masalah Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Di Sekolah Dari Persepsi Guru Dan Ibu Bapa	63
4.7	Kesimpulan	67

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	69
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	69
	5.2.1 Amalan Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan di Sekolah Dari Persepsi Guru, Murid dan Ibu Bapa	69
	5.2.2 Persepsi Guru, Murid dan Ibu Bapa Terhadap Aspek Keselamatan, Kesihatan dan Keceriaan Persekutaran Fizikal Sekolah	72
	5.2.3 Perbezaan Tahap Amalan Keselamatan Dan Kesihatan Di Antara Guru, Murid Dan Ibu Bapa	75
	5.2.4 Masalah Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Sekolah	77
5.3	Kesimpulan Dapatan Kajian	80

	Muka surat	
5.4	Implikasi Dapatan Kajian	83
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	86
5.6	Penutup	86
 RUJUKAN		 87
 LAMPIRAN		
A	Soal Selidik Kepada Guru	
B	Soal Selidik Kepada Murid	
C	Soal Selidik Kepada Ibu Bapa	
D	Borang Memohon Kebenaran Menjalankan Kajian Dari Bahagian Perancangan Dan	
E	Penyelidikan Dasar Borang Memohon Kebenaran Menjalankan Kajian Dari Jabatan Pendidikan Negeri	

SENARAI JADUAL

Mukasurat

No. Jadual

1.1	Jadual Kategori Kehilangan Pendengaran	19
3.1	Jadual Tahap Pengukuran Persepsi Responden	39
4.1	Taburan Responden Mengikut Kategori	46
4.2	Taburan Responden Mengikut Jantina	46
4.3	Taburan Responden Mengikut Umur	47
4.4	Taburan Responden Mengikut Bangsa	48
4.5	Taburan Responden Mengikut Kelayakan Akademik	48
4.6	Taburan Responden Mengikut Pekerjaan	49
4.7	Taburan Responden Mengikut Pendapatan	50
4.8	Persepsi Terhadap Amalan Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan di SMPKPPP	50
4.9	Persepsi Terhadap Aspek Keselamatan , Kesihatan dan Keceriaan Persekutaran Fizikal Sekolah	56
4.10	Jadual Ujian Anova Satu Hala	63
4.11	Masalah Pengurusan Keselamat dan Kesihatan Dari Persepsi Guru dan Ibu Bapa	63

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Mukasurat	
1.1	Rajah Konsep Program Bersepadu Sekolah Sihat	7
3.1	Kerangka Konsep Amalan Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Di Sekolah	42

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Keselamatan dan kesihatan merupakan salah satu aktiviti pengurusan sumber manusia yang penting dan berperanan untuk memberi perlindungan kepada setiap individu yang bernaung di bawah sebuah organisasi. Masalah keselamatan dan kesihatan yang melibatkan murid-murid sekolah merupakan satu isu sensitif yang perlu diberi perhatian yang serius dan tindakan yang berkesan perlu diambil bagi mengatasinya.

Menurut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (1994), pihak majikan iaitu *seseorang yang menguruskan atau mengawal tempat kerja* itu perlu memastikan tempat kerjanya tidak akan mendatangkan bahaya kepada para pekerjanya. Akta tersebut turut merangkumi pekerja seperti guru dan juga murid-murid sekolah. Sekiranya semua majikan (pentadbir) sekolah mematuhi tuntutan Akta 1994 ini, risiko kejadian kemalangan yang menimpa murid-murid dalam kawasan sekolah akan dapat dikurangkan.



1.2 Latar Belakang Kajian

Kementerian Pendidikan Malaysia telah berusaha memperkenalkan berbagai-bagai program yang bertujuan untuk memastikan warga sekolah berada dalam keadaan selamat, sihat , ceria, dan berkualiti agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan sempurna dan berkesan.

Langkah pertama yang telah diambil oleh pihak kerajaan adalah memperkenalkan Rancangan Kesihatan Sekolah (RKS) pada tahun 1967. rancangan ini bertujuan melahirkan murid-murid dan masyarakat sekolah yang sihat dan produktif. Rancangan Kesihatan Sekolah ini adalah berdasarkan konsep kesihatan yang menyeluruh yang merangkumi kesihatan fizikal, mental, emosi, sosial, dan rohani. Ia terdiri dari empat komponan utama iaitu pendidikan kesihatan, perkhidmatan kesihatan, hidup sihat di sekolah, dan kerjasama antara sekolah dan masyarakat. Jawatankuasa bersama Rancangan Kesihatan Sekolah telah dilaksanakan di pelbagai peringkat iaitu di peringkat kebangsaan, negeri, daerah dan juga sekolah. Jawatankuasa ini dianggotai oleh pelbagai agensi seperti pihak kesihatan, penerangan, pendidikan, serta Persatuan Ibu bapa dan Guru (Rahmah M.A 1999).

Setelah hampir 30 tahun berlalu, konsep kesihatan sekolah semakin berkembang. Pada tahun 1995 Pertubuhan Kesihatan sedunia (WHO) telah memperkenalkan “Health Promoting School” (HPS). Malaysia telah menjalankan projek perintis HPS di enam buah negeri iaitu Terengganu, Selangor, Melaka, Kedah, Sarawak, dan Johor. Susulan daripada itu satu persidangan telah diadakan di Melaka yang melibatkan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan. Satu kata putus telah diambil iaitu memberi nafas baru kepada RKS yang sedia ada berpandukan





konsep HSP yang diubah suai mengikut keperluan sekolah-sekolah di Malaysia. Rentetan daripada itu, wujudlah Program Bersepadu Sekolah Sihat (PBSS) yang telah dilancarkan secara rasminya pada 22 September 1997 di Terengganu Darul Iman (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

Program Bersepadu Sekolah Sihat (PBSS) merupakan satu program yang menyatupadukan atau memayungi semua aktiviti yang sihat dan selamat di sekolah. Aktiviti-aktiviti kesihatan termasuklah semua aktiviti yang sedia ada seperti pemeriksaan fizikal murid-murid sekolah, perkhidmatan pergigian, Rancangan Makanan Tambahan, kempen Sekolah Bebas Denggi, dan lain-lain aktiviti kesihatan yang dijalankan di sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).



Perbezaan antara RKS dan PBSS ialah RKS memberi tumpuan utama kepada meningkatkan taraf kesihatan dan pemakanan murid sekolah. Sementara PBSS pula memberi penekanan kepada menyatupadukan semua aktiviti kesihatan di sekolah di bawah satu payung yang dinamakan Program Bersepadu Sekolah Sihat. Usaha Kementerian Pendidikan mewujudkan Program Bersepadu sekolah sihat adalah berdasarkan kepada rasional berikut:

- i. Terdapat beberapa program kesihatan sekolah sedia ada yang perlu diselaraskan di bawah satu program bersepadu.
- ii. Untuk mewujudkan satu sistem yang fleksibel, inovatif, dan kreatif serta menjurus kepada keperluan sekolah berdasarkan kepada keperluan semasa.
- iii. Hasrat untuk mewujudkan satu program kesihatan yang mampu melahirkan rasa kekitaan dan komitmen di kalangan warga sekolah.



- iv. Keperluan untuk mewujudkan satu program bersepada yang menghasilkan impak serta dapat dinilai keberkesanannya.
- v. Satu usaha untuk meningkatkan kesefahaman dan kerjasama perlu diwujudkan di antara sekolah dan masyarakat dalam menangani isu-isu kesihatan.
- vi. Satu usaha yang teratur dan berfokus ke arah amalan kesihatan perlu diperaktikkan melalui program yang terancang dan bersepada.

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002)

Enam teras utama PBSS yang seharusnya dilaksanakan secara berperingkat-peringkat oleh setiap sekolah adalah seperti berikut:

i. **Polisi Kesihatan Sekolah**

Polisi Sekolah Selamat ialah satu pernyataan jelas yang menentukan tindakan dan keperluan sumber bagi mempromosikan kesihatan. Ia bertujuan untuk menyediakan piagam sekolah sebagai panduan kepada warga sekolah dan masyarakat luar. Di samping itu juga, ia bertujuan merancang dan mengawasi pelaksanaan polisi Sekolah Selamat.

ii. **Persekutaran Fizikal Sekolah yang Sihat dan Selamat**

Persekutaran fizikal sekolah yang sihat dan selamat ialah keadaan sekolah yang mempunyai kemudahan asas dan fizikal yang sentiasa bersih, ceria, selamat, dan sihat. Fungsinya untuk mewujudkan persekitaran fizikal yang bersih dan selamat serta mempunyai persekitaran yang bebas daripada risiko jangkitan penyakit.

iii. Persekutaran Sosial Sekolah yang Sihat dan Selamat

Persekutaran mental dan sosial yang sihat ialah persekitaran yang boleh membentuk sikap dan amalan ke arah membina sahsiah warga sekolah yang murni serta dapat mengatasi segala cabaran. Fungsi persekitaran sosial sekolah ialah menyediakan persekitaran yang kondusif untuk perkembangan mental yang sihat dan mengurangkan tekanan (stress) di kalangan warga sekolah. Persekutaran sosial yang sihat juga penting untuk perkembangan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek warga sekolah.

iv. Penglibatan Komuniti

Penglibatan komuniti ialah satu bentuk kerjasama di antara warga sekolah, ibu bapa serta masyarakat yang menyokong dan meningkatkan tahap kesihatan warga sekolah. Antara fungsi penglibatan komuniti adalah seperti berikut:

- Penglibatan aktif warga sekolah, ibu bapa serta masyarakat dalam aktiviti kesihatan
- Melibatkan diri dalam bentuk tenaga kepakaran / bahan / kewangan
- Memberi dorongan dan sokongan moral kepada murid
- Menjadi “role model” cara hidup sihat

Antara aktiviti yang boleh dijalankan seperti Program Sihat Tanpa AIDS Untuk Remaja (PROSTAR), Bebas Denggi Di Sekolah, Anti Merokok, Kempen Cara Hidup Sihat, Program Kantin Sihat, Sekolah Bersih

v. Kemahiran Kesihatan Diri

Satu usaha untuk membentuk sikap yang positif ke arah amalan cara hidup sihat di kalangan warga sekolah. Ia berfungsi untuk mengadakan pembelajaran dan pengajaran formal dan tidak formal dalam mengendalikan kesihatan fizikal, mental, rohani dan sosial serta alam sekeliling ke arah amalan cara hidup sihat.

vi. Perkhidmatan Kesihatan Sekolah

Perkhidmatan kesihatan sekolah merangkumi promosi kesihatan dan pemakanan, penjagaan kesihatan, rawatan, rujukan, serta penempatan di kelas khas yang diberi oleh doktor perubatan dan pergigian, kakitangan kejururawatan, dan guru-guru untuk pencapaian kesihatan optimum warga sekolah.

Fungsi perkhidmatan kesihatan sekolah ialah untuk:


- Membina kesedaran dan kefahaman warga sekolah tentang kepentingan kesihatan optimum dan pengalaman cara hidup sihat.
- Mengesan masalah kesihatan, merawat dan merujuk kes yang memerlukan perhatian serta tindakan lanjut.
- Memberitahu guru dan bu bapa tentang tahap kesihatan murid untuk membolehkan rawatan lanjut dan tindakan susulan bagi kes-kes tertentu.
- Mencegah dan mengawal kejadian penyakit

- Menentukan rancangan khas seperti rancangan makanan tambahan dan program susu sekolah kepada murid dilaksanakan dengan sempurna
- Memberi khidmat pertolongan cemas dan rujukan kepada warga sekolah
- Menjalankan pemantauan dan penilaian ke atas aktiviti-aktiviti kesihatan sekolah

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002)

Rumusan dari 6 teras utama program bersepadu sekolah sihat dapat dirumuskan seperti dalam Rajah 1.1 di bawah.

RAJAH 1.1
Konsep Program Bersepadu Sekolah Sihat



Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002

Keenam-enam teras utama dalam Rajah 1.1 di atas telah digariskan bagi mewujudkan satu pendekatan bersepadau di antara warga sekolah, Persatuan Ibu Bapa dan Guru, sektor awam, sektor swasta, badan bukan kerajaan, serta masyarakat setempat ke arah melahirkan sekolah yang sihat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002)

Bagi memastikan program yang dirancang berjalan dengan baik dan terancang, maka segala usaha ke arah merealisasikannya harus dipikul bersama oleh semua pihak.

Keselamatan dan kesihatan adalah dua unsur yang tidak boleh dipisahkan di antara satu sama lain. Kedua-dua unsur tersebut penting untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran di sekolah berjalan dalam suasana yang harmoni.

Aspek keselamatan dan kesihatan yang ketara sebagai isu utama untuk dibincangkan boleh dilihat dari dua perspektif iaitu persepektif sosial dan persekitaran. Perspektif sosial meliputi tingkah laku serta gelagat warga sekolah yang menimbulkan suasana tidak selamat warga sekolah seperti masalah disiplin, gengsterisme, ponteng sekolah, dadah dan sebagainya. Manakala perspektif persekitaran pula meliputi aspek fizikal sesebuah sekolah seperti padang, makmal, dan juga bengkel.

Kejadian membelaah yang tercetus di kalangan murid sekolah, khususnya di sekolah menengah berasrama, hingga menyebabkan kecederaan serius ternyata bukan lagi boleh dipandang ringan. Sebaliknya ia perlu diambil tindakan yang sewajarnya oleh pihak yang tertentu.

Kes pelajar senior membuli pelajar baru atau junior dianggap perkara biasa di asrama dan kegiatan seperti ini selalunya akan terlepas pandang oleh pihak pertadbiran asrama, sekolah, dan Jabatan Pelajaran. Kini kes membuli pelajar baru di asrama telah menjadi isu besar apabila perlakuan itu berakhir dengan kematian. Kematian Muhammad Farid Bin Ibrahim yang berusia 16 tahun, pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Agama Datuk Klana Petra Maamor Ampangan, Seremban, Negeri Sembilan pada 28 Mac 2004, telah membuka mata semua pihak terutama Kementeri Pendidikan Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil langkah segera dengan menubuh satu pasukan petugas khas di Jabatan Pelajaran bagi memantau serta membantu mengatasi masalah gangsterisme yang agak membimbangkan itu. Peristiwa malang yang menimpa Muhammad Farid ini bukanlah yang pertama kali berlaku di negara kita kerana sebelum itu telah berlaku banyak kes jenayah yang melibatkan pelajar yang membawa kepada kecederaan parah berlaku di Malaysia.

Antara kes besar lain yang menjadi perhatian adalah seperti kes yang telah berlaku pada 13 November 2003 di mana seorang pelajar telah mengalami kecederaan yang teruk akibat dibelasah oleh 20 pelajar lain di sebuah sekolah di Terengganu selepas mengambil kertas akhir Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pada 21 September 2003 pula, seorang pelajar lelaki Kolej Matrikulasi Londang, Masjid Tanah, Alor Gajah, Melaka, dipukul 12 pelajar kerana mendedahkan perbuatan mereka mengintai di asrama pelajar perempuan. Pada 31 Oktober 2003, seorang pelajar berusia 15 tahun telah mengalami koma selama tiga hari dan meninggal dunia di Hospital Port Dickson akibat dipukul oleh sekumpulan pelajar.

Kecederaan yang menimpa Mohd. Hafizi Jumhari, 16 tahun, murid kursus kejuruteraan Mekanikal di sekolah Menengah Teknik Batu Pahat pada 14 Ogos 2003, yang dilaporkan sehingga terpaksa dibuang buah pinggang kirinya selepas dipercayai dibelasah sekumpulan murid senior di asrama, boleh dijadikan pembuka mata terhadap ancaman luar jangkaan di sekolah (Berita Harian Ogos 2003). Utusan Malaysia bertarikh 14 Januari 2004 pula, telah melaporkan seorang pengawas ditumbuk di hadapan guru disiplin. Peristiwa ini terjadi kerana pengawas berkenaan telah merampas telefon bimbit murid tersebut yang mengandungi gambar luah. Peristiwa tersebut jelas telah mencabar kewibawaan pihak sekolah dalam menjamin keselamatan pengawas yang bertanggungjawab menjalankan tugas membantu pihak sekolah mengawal disiplin murid-murid di sekolah. Sekiranya pihak sekolah ataupun Kementerian Pelajaran Malaysia tidak dapat menjamin keselamatan pengawas-pengawas sekolah ini, tidak mustahil suatu masa nanti tidak ada seorang pun murid sekolah yang rela untuk menjalankan tugas sebagai pengawas sekolah.

Pihak sekolah sering dilemparkan dengan berbagai tuduhan dan dipersalahkan apabila berlaku gejala-gejala negatif di sekolah yang membabitkan murid-murid sekolah. Antara dakwaan yang kerap dilontarkan ialah kelemahan pihak pengurusan sekolah, guru disiplin, dan warden asrama di sekolah yang tidak menjalankan tugas mereka dengan baik.

Berdasarkan beberapa contoh peristiwa jenayah di kalangan pelajar sekolah di atas membuktikan bahawa disebalik kecermelangan akademik masa kini, masih ada lagi ruang kosong iaitu dari segi pengisian akhlak dan minda serta pengukuhan diri remaja.

Manakala dari sudut persekitaran pula, keselamatan boleh dilihat dari aspek fizikal sesebuah sekolah berkenaan seperti keadaan padang sekolah, peraturan penggunaan makmal sains dan komputer, bilik darjah, aktiviti kokurikulum, dan sebagainya. Kecederaan-kecederaan kecil sering berlaku di sekolah akibat kecuaian yang tidak disengajakan seperti kaki terseliuh ketika bermain, luka kerana terjatuh dan sebagainya. Kemalangan yang membawa maut juga tidak terkecuali berlaku juga di sekolah. Sebagai contoh, pada 25 April 2000, seorang pelajar telah meninggal dunia akibat ditimpa tiang gol. Kejadian tersebut berlaku ketika sekumpulan pelajar lain sedang mengubah tiang gol bolasepak jenis mudah alih. Ketika tiang gol itu cuba direbahkan oleh sekumpulan pelajar tersebut, mangsa berdiri di hadapan tiang gol dan sedang memerhati ke arah lain. Apabila tiang gol direbahkan palangnya (anggaran 100 kg) telah menimpa mangsa dan mangsa meninggal akibat kecederaan di kepala dan leher. Kemalangan itu disebabkan tiada pengawasan guru dan tiada prosedur kerja diperkenalkan kepada pelajar.

Pada tahun 2003 pula, tiga orang pelajar telah meninggal dunia semasa menjalani aktiviti Sukan Tara. Pelajar tersebut meninggal kerana sesak nafas. Punca kejadian tersebut berlaku disebabkan pelajar tersebut tidak menjalani aktiviti memanaskan badan yang sepatutnya dilakukan terlebih dahulu sebelum aktiviti bersukan (Kementerian Pendidikan Malaysia 2003).

Kes-kes kebakaran di sekolah juga telah meningkat. Statistik daripada jabatan Bomba dan Penyelamat bertarikh 31 Januari 2000, telah melaporkan bahawa kes kebakaran di sekolah semakin meningkat dan ini berpunca daripada kejadian litar

pintas dan perbuatan vandalism oleh murid (KP(BS)8591/Jld.XV(7) Bertarikh 14 Mac 2000).

Rentetan dari tragedi-tragedi yang menyayat hati ini, sedikit sebanyak telah menggugat kepercayaan ibu bapa terhadap keselamatan anak-anak ketika berada di sekolah atau di asrama. Sekolah dianggap sudah tidak lagi selamat sebagai tempat untuk murid-murid menimba ilmu pengetahuan.

1.3 Penyataan Masalah

Kecuaian dan kegagalan menjalankan tanggungjawab merupakan faktor yang membawa kepada berlakunya kemalangan di sekolah. Semua sekolah mempunyai kewajipan untuk menjaga keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerja dan murid-muridnya. Ini bermakna pengurus sekolah atau pengetua perlu bertanggungjawab sepenuhnya bagi melindungi keselamatan dan menjaga kesihatan para guru, kakitangan sokongan dan murid-muridnya.

Keselamatan dan kesihatan murid-murid merupakan salah satu aktiviti atau amalan utama yang penting untuk diberi perhatian. Warga sekolah yang selamat dan sihat sudah tentu dapat merangsang proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Dewasa ini, pihak media banyak mendedahkan isu-isu keselamatan dan kesihatan di sekolah yang secara tidak langsung menampakkan kelemahan pengurusan disiplin sekolah. Keadaan menjadi bertambah rumit apabila keupayaan sekolah dalam menangani isu-isu keselamatan dan kesihatan yang amat terbatas.



Benar kata pepatah melayu “*malang tidak berbau*”. Kemalangan boleh berlaku di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa. Namun sebagai manusia yang dikurniakan akal fikiran kita disuruh berusaha untuk mengatasinya dan tidak hanya berserah kepada takdir semata-mata. Kemalangan boleh dielakkan jika langkah-langkah yang sewajarnya diambil sebagai usaha untuk mengatasinya. Ini bersesuaian dengan pepatah Melayu “*ingat sebelum kena, jimat sebelum habis*”, sebaliknya hendaklah kita cuba mengelakkan diri kita mengalami nasib seperti kata pepatah “*sudah terhantuk baru tergadah*”.

Dalam sistem pendidikan di Malaysia, nasib kanak-kanak kurang bernasib baik tidak diketepikan malah mereka juga dilayan seperti kanak-kanak normal yang lain. Ini dapat dilihat apabila Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan perkhidmatan pendidikan untuk murid-murid berkeperluan khas yang mempunyai masalah penglihatan, pendengaran, masalah pembelajaran, dan pemulihan khas. Pendidikan yang diberi kepada kanak-kanak berkeperluan khas ini menekankan kepada perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelek supaya murid-murid ini boleh menerima pendidikan bagi membolehkan mereka berdikari dan menguruskan diri sendiri serta berpeluang pula untuk melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi lagi.

Bagi murid-murid khas bermasalah pendengaran di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan Pulau Pinang, mereka juga tidak sunyi dari masalah keselamatan dan kesihatan. Murid-murid ini terdedah kepada bahaya seperti kebakaran, kemalangan di jalan raya sewaktu pergi dan pulang dari sekolah, kemalangan ketika mengendalikan peralatan-peralatan di bengkel vokasional,





terdedah kepada kemalangan ketika aktiviti sukan, kokurikulum, dan berbagai-bagai lagi kemungkinan kemalangan-kemalangan lain lagi seperti keracunan makanan dan percaduhan di asrama.

Pihak Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan Pulau Pinang (SMPKP) telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Sekolah Selamat untuk memastikan bahawa sekolah SMPKP selamat sekurang-kurangnya dari tiga aspek keselamatan. Tiga aspek keselamatan yang diberi penekanan utama oleh pihak sekolah ialah keselamatan murid pergi dan balik dari sekolah, keselamatan bangunan sekolah, dan keselamatan penghuni asrama.

SMPKPPP mempunyai bilangan murid seramai 205 orang (Fail Banci Murid 31 Disember 2003). Daripada jumlah tersebut seramai 147 orang murid tinggal di asrama dan seramai 58 orang murid lagi adalah murid harian. Murid-murid harian yang berulang alik ke sekolah sentiasa terdedah kepada bahaya di jalan raya seperti ketika melintas jalan , ketika naik dan turun dari bas, dan ketika berjalan masuk ke kawasan sekolah. Mereka amat terdedah kepada bahaya ketika di jalan raya kerana mereka tidak dapat mendengar bunyi kenderaan ataupun bunyi hon kenderaan terutama yang datang dari arah belakang.

Kebakaran juga boleh berlaku dengan berbagai cara sama ada berpunca dari api yang kecil mahu pun berpunca dari litar pintas. Sistem pendawaian yang lama dan tidak diselia, tidak mustahil boleh mengundang kepada berlakunya kebakaran. Adalah sukar untuk memberikan isyarat kecemasan kebakaran kepada murid-murid bermasalah pendengaran ini kerana mereka tidak dapat mendengar jeritan amaran





ataupun siren amaran. Mereka hanya bergantung kepada arahan guru serta isyarat amaran lampu kecemasan sahaja. Kenyataan ini disokong oleh laporan guru kebakaran yang telah melaporkan bahawa setiap kali pihak sekolah mengadakan latihan kebakaran, masa yang diambil oleh murid-murid bermasalah pendengaran ini lebih dari yang ditetapkan. Ini berlaku disebabkan murid-murid bermasalah pendengaran ini tidak faham mengenai kepentingan latihan kebakaran ini serta tidak mengikut laluan yang betul seperti yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah dan tidak faham tujuan diadakan latihan tersebut.

Bagi murid-murid yang tinggal di asrama pula, mereka juga terdedah dengan ancaman pencerobohan orang luar kerana kedudukan bangunan yang berhampiran dengan kaki bukit yang sememangnya dipenuhi oleh semak samun dan pokok-pokok hutan. Keadaan ini menyebabkan kawasan asrama mudah dicerobohi oleh orang luar. 05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbuspi Keadaan ini juga secara tidak langsung memberi peluang kepada murid-murid yang nakal untuk mencuri keluar dari kawasan asrama dan ini secara tidak langsung boleh mengundang bahaya ataupun kecederaan ketika mereka cuba membolosi pagar tersebut.

Guru bertanggungjawab ke atas keselamatan murid-murid di bawah jagaannya sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran berjalan. Namun pada masa yang sama pihak pentadbir juga hendaklah sentiasa memastikan bahawa premis sekolah ini adalah selamat digunakan atau didiami oleh semua pihak.

Walau bagaimanapun, mutakhir ini banyak berita-berita tentang kes-kes yang berpunca dari kecuaian dalam pengurusan keselamatan dan kesihatan murid di sekolah





dilaporkan oleh media massa. Suasana-suasana inilah yang mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Bagi murid-murid khas bermasalah pendengaran ini, pelbagai kesan sosial dan emosi telah dialami oleh mereka hasil dari kesukaran yang mereka hadapi. Kesukaran berinteraksi menjadikan kanak-kanak ini terbatas untuk menyatakan masalah yang mereka alami. Kekurangan pendengaran menjadikan mereka terdedah kepada bahaya yang sukar dijangka. Fenomena-fenomena seperti inilah yang mendorong pengkaji untuk mengkaji sejauh mana pengurusan amalan keselamatan dan kesihatan di sekolah oleh pihak pentadbir dalam memastikan keselamatan murid di SMPKPPP terjamin ke arah mewujudkan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang cekap dan berkesan.

1.4 Objektif Kajian



1.4.1 Objektif Umum

Secara umumnya, objektif kajian ini adalah untuk melihat amalan pengurusan keselamatan dan kesihatan dari persepsi guru, murid dan ibu bapa di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan Pulau Pinang.

1.4.2 Objektif Khusus

1. Untuk mengenalpasti sejauhmanakah amalan pengurusan keselamatan dan kesihatan di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan Pulau Pinang.



2. Untuk mengenalpasti persepsi guru, murid dan ibu bapa Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan Pulau Pinang terhadap aspek keselamatan, kesihatan dan keceriaan persekitaran fizikal sekolah.
3. Untuk mengenalpasti sama ada terdapatnya perbezaan tahap amalan keselamatan dan kesihatan di antara ibu bapa, guru dan murid di sekolah di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan Pulau Pinang.
4. Untuk mengenalpasti masalah pengurusan keselamatan dan kesihatan sekolah di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan Pulau Pinang.

1.5 Persoalan kajian

1. Sejauhmanakah amalan pengurusan keselamatan dan kesihatan di sekolah dari persepsi guru, murid dan ibu bapa di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan Pulau Pinang?
2. Apakah persepsi guru, murid dan ibu bapa Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan Pulau Pinang terhadap aspek keselamatan, kesihatan dan keceriaan persekitaran fizikal sekolah?
3. Apakah terdapat perbezaan tahap amalan keselamatan dan kesihatan di sekolah antara guru, murid dan ibu bapa di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan Pulau Pinang?
4. Apakah masalah pengurusan keselamatan dan kesihatan di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan Pulau Pinang?

1.6 Hipotesis Kajian

- H01: Tidak terdapat perbezaan tahap amalan keselamatan dan kesihatan yang signifikan di antara guru, murid dan ibu bapa di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan Pulau Pinang.
- H11: Terdapat perbezaan tahap amalan keselamatan dan kesihatan yang signifikan di antara guru, murid dan ibu bapa di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan Pulau Pinang.

1.7 Definisi Operasional

1.7.1 Sekolah Pendidikan Khas

Di negara kita Malaysia, kita mempunyai tiga jenis persekolahan untuk kanak-kanak bermasalah pendengaran iaitu sekolah khas, program inklusif dan program percantuman atau integrasi (Jabatan Pendidikan Khas, 2000).

Sekolah khas merupakan sekolah yang mempunyai bangunan dan pentadbirannya sendiri, di mana semua murid adalah terdiri dari murid-murid khas bermasalah pendengaran (Jabatan Pendidikan Khas, 2000).

1.7.2 Murid-Murid Bermasalah Pendengaran

Bagi kajian ini, murid-murid bermasalah pendengaran adalah mereka yang terdiri daripada kategori mengalami masalah kehilangan pendengaran sebanyak 70 dB ke atas iaitu di peringkat teruk dan sangat teruk. Profil responden mengikut kategori



kehilangan pendengaran mereka adalah seperti dalam Jadual 1.1 di bawah. (Untuk keterangan lanjut rujuk lampiran A)

JADUAL 1.1
Profil Kategori Kehilangan Pendengaran di SMPKPPP
(n=40)

Unit Dalam Desibel (dB)	Tahap Kehilangan Pendengaran	Bilangan Murid
71 hingga 90 dB	Teruk	19 orang
Melebihi 90 dB	Tenat	21 orang
Jumlah		40 orang



1.7.3 Bangunan Sekolah



Bangunan sekolah dalam kajian ini merujuk kepada bangunan yang mengandungi bilik darjah, bilik guru, makmal, bengkel vokasional dan juga asrama pelajar.

1.7.4 Pelajar Harian

Pelajar harian dalam kajian ini merujuk kepada pelajar yang tidak tinggal di asrama. Mereka berulang-alik ke sekolah sama ada tinggal bersama keluarga atau menyewa rumah di luar kawasan sekolah.

1.7.5 Keselamatan, Kesihatan, dan Keceriaan

Keselamatan, kesihatan dan keceriaan dalam kajian ini merujuk kepada aspek keselamatan dan kesihatan murid-murid, guru serta kakitangan sokongan di





SMPKPPP. Manakala aspek keceriaan pula merujuk kepada keceriaan kawasan persekitaran sekolah, bangunan sekolah, bangunan asrama, bilik darjah serta asrama.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini amat penting kepada pihak sekolah terutamanya sekolah khas untuk meningkatkan tahap kesedaran di kalangan pentadbir, guru-guru dan murid-murid terhadap pentingnya keselamatan dan kesihatan diri ketika berada di sekolah. Kajian ini juga diharap dapat membantu pihak pentadbir merancang program serta aktiviti-aktiviti tertentu untuk meningkatkan tahap kesedaran semua pihak tentang pentingnya penjagaan keselamatan dan kesihatan murid-murid.



1.9 Batasan Kajian

Kajian ini hanya dijalankan di sebuah sekolah sahaja iaitu di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan Pulau Pinang sahaja. Manakala responden kajian ini pula hanyalah seramai 120 orang sahaja iaitu 40 orang murid, 40 orang ibu bapa, dan 40 orang guru termasuk guru pentadbir di SMPKPPP.

